



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PEMAKLUMAN PENGENDALIAN KES-KES DI MAHKAMAH PARIT BUNTAR, PERAK
SELARAS DENGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
DARI 7 NOVEMBER HINGGA 20 NOVEMBER 2020**

Selaras dengan pengumuman oleh Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob pada 5 November 2020 berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Daerah Parit Buntar, Negeri Perak, YAA Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat telah mengarahkan agar **Mahkamah Parit Buntar, Negeri Perak berkuat kuasa 7 November 2020 hingga 20 November 2020**, arahan-arahan berikut adalah terpakai:

- (a) Bagi Prosiding Pendengaran Kes-kes di Mahkamah
Panduan Pengendalian Kes-Kes di Mahkamah Seluruh Malaysia Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dan Akta Polis 1967 yang dikeluarkan oleh Pejabat ini bertarikh 17 Mac 2020; dan
- (b) Bagi Operasi Kerja di Pejabat dan Kaunter-kaunter Perkhidmatan
Mahkamah
Garis Panduan Pengendalian Kes dan Tatacara Pengendalian Piawai Pencegahan Wabak COVID-19 Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh Pejabat ini bertarikh 3 Mei 2020.

Walau bagaimanapun, pemakaian Panduan-panduan ini perlu diubah suai dengan mengambil kira keperluan Mahkamah Parit Buntar dan tarikh PKPB.

Sekiranya agensi kerajaan, peguam dan orang awam mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, bolehlah menghubungi Pegawai-pegawai berikut:

- i) **Mahkamah Rendah Malaya**
Tuan M. Bakri bin Abd Majid
Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya
03-8880 9418 / 019-9851333 / mbakri@kehakiman.gov.my

- ii) **Mahkamah Negeri Perak**
Puan Indra Nehru Savandiah
Pengarah Mahkamah Negeri Perak
05-2415555 / 012-8051318 / indranehru@kehakiman.gov.my

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 6 November 2020